



KONTINJEN Esteem juara pada Kejohanan Sukan Staf UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.



ACARA bola jaring dikuasai pasukan D'KAL pada Kejohanan Sukan Staf UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Esteem juara keseluruhan Sukan Staf UMS 2010

KOTA KINABALU 14 Dis. – Kontinjen Esteem muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-11 2010 yang berlangsung, di sini baru-baru ini.

Kontinjen itu yang diketuai Prof. Madya Dr. Hamid Ahmad mengumpul 408 mata meninggalkan kontinjen D-G di tempat kedua dengan 365 mata diikuti D'KAL (259), Twin Tower (152) manakala D'Arts dan 5 Star mendapat 134 mata.

Esteem muncul johan bagi acara boling,

futsal wanita, badminton, ping pong, catur terbuka wanita dan kayak, manakala D-G menjuarai acara pool, catur terbuka lelaki, tarik tali, olahraga dan cabaran ke puncak.

D' KAL yang diketuai Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang memenangi acara bola tampar lelaki dan wanita, dart dan bola jaring manakala Twin Tower menjuarai acara futsal lelaki, karom dan hoki lelaki.

Prof. Madya Dr. Mohd. Yusuf Abdullah yang mengetuai D'Arts menjuarai acara golf, futsal veteran dan tenis, manakala 5 Star

memenangi acara sepak takraw dan bola sepak 9 sebelah.

Kontinjen D-G diketuai Mejar Haznain Ngamil, Ir. Mohd. Roslee Mohd. Ali Lee mengetuai 5 Star dan Twin Tower diketuai Mohd. Raffe Janau.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon di Laman Graduan, Dewan Canselor, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Madya Dr. Kassim Mansur, Pendaftar UMS,

Abdullah Mohd. Said, Dr. Shariff dan Ketua Unit Sukan, Mohd. Asyraf Fong Abdullah.

Majlis penutupan kejohanan itu diserikan lagi dengan persembahan nyanyian artis tanah air, Felix dan cabutan nama bertuah yang menawarkan hadiah lumayan berupa barangan elektrik dan hamper.

Sebanyak 23 acara dipertandingkan pada kejohanan empat hari itu termasuk acara larian cabaran ke puncak.

Dr. Kamaruzaman berkata, Kejohanan Sukan Staf UMS merupakan medan terbaik

untuk memilih atlet terbaik bagi mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Staf IPTA di Universiti Teknikal Malaysia di Melaka pada tahun depan.

Katanya, hanya atlet hebat dan mempunyai semangat juang tinggi sahaja yang dibawa ke Melaka pada 2011 bagi membawa cabaran UMS, sekali gus menyaingi 19 IPTA lain.

“Saya ingin melihat atlet UMS terus memberi saingan sengit kepada pasukan lain, sekali gus harumkan nama universiti di peringkat nasional,” katanya.